

Penerapan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Untuk Membendung Gelombang Ekstremisme Dalam Kalangan Warga SMKA

Ain Shahirah Zailan¹, Ahmad Aflah Mukmin Ahmad Rusli¹, Izhar Saeef Borhan¹, Nuwair Luqman Nor Asri¹, Muhammad Ameer Sofwan Azizulmalik¹, Nur Afrina Liyana Affandi¹, Wan Nurina Izzah Wan Imran¹

¹ SMK Agama Kuala Lumpur, Jalan 2/62, Bandar Menjalara, 52200 Kuala Lumpur

*Corresponding author: ain066993@gmail.com

ABSTRAK

Program penerapan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di peringkat sekolah yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di bawah dasar Kerajaan Madani bertujuan untuk memperkukuh nilai-nilai murni dan akhlak pelajar. Hadis-hadis ini, yang merangkumi aspek utama dalam kehidupan muslim, diintegrasikan dalam kurikulum Pendidikan Islam serta program kokurikulum. Menurut YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia, inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan penghayatan agama, tetapi juga untuk membentuk generasi yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Langkah ini selaras dengan usaha Kerajaan Madani dalam melahirkan individu yang berdaya saing dan berintegriti. Kajian ini meneliti penerapan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai usaha untuk membendung gelombang ekstremisme dalam kalangan warga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Melalui pendekatan kualitatif, kajian ini mengumpulkan data melalui temu bual dengan pegawai KPM, JAKIM, guru, dan pelajar di SMKA. Modul ini dirancang untuk meningkatkan pemahaman pelajar tentang nilai-nilai Islam yang sederhana dan toleran. Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan modul ini berjaya meningkatkan kesedaran pelajar terhadap bahaya ekstremisme dan mengukuhkan sikap toleransi beragama. Kajian ini juga mendapati bahawa penghayatan terhadap hadis-hadis pilihan dapat membantu dalam pembentukan sahsiah pelajar yang seimbang dan harmoni. Oleh itu, penggunaan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi disyorkan untuk diperluas ke sekolah-sekolah lain bukan sahaja di SMKA sebagai alat pencegahan terhadap ideologi ekstremis di negara kita.

Kata kunci: *hadis, ekstremisme, SMKA, KPM, JAKIM*

PENGENALAN

Ekstremisme merujuk kepada fahaman individu yang terlalu taksub melampau atau keterlaluhan terhadap agama namun tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang agama Islam terutamanya berkaitan hukum dan akidah (Institut Pendidikan Belia Malaysia, 2017). Memahami perspektif Muslim mengenai tujuan penciptaan dan pandangan dunia Islam yang lebih luas adalah penting apabila mempertimbangkan keganasan yang diilhamkan oleh kepercayaan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan seperti Daesh dan Al-Qaeda (Rizwan Mustafa, 2021). Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi. Modul ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuhkan kefahaman pelajar terhadap ajaran Islam yang sebenar, tetapi juga untuk mendidik mereka agar mengamalkan nilai-nilai kesejahteraan, kesederhanaan (*wasatiyyah*), dan toleransi yang termaktub dalam agama Islam.

Dalam modul Penghayatan Hadis 40 ini, terdapat beberapa hadis yang memberikan panduan penting berkaitan dengan ekstremisme. Salah satu contoh yang relevan adalah hadis ke-9, yang memberi larangan kepada sikap melampaui batas atau berlebihan dalam pertanyaan dan pertikaian yang tidak perlu:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَا هَيَّئْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَثْرَةُ مَسَائِلِهِمْ وَاجْتِيَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ
(رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ)

Terjemahan: “*Daripada Saiyidina Abu Hurairah ‘Abdul Rahman bin Sakhr r.a. beliau berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Apa-apa sahaja yang aku larang kamu daripada melakukannya, maka jauhilah dan apa sahaja yang aku perintahkan kamu melakukannya, maka tunaikanlah sedaya upaya kamu. Kerana sesungguhnya, perkara yang membinasakan umat yang terdahulu adalah banyak bertanya dan mempertikai para nabi mereka.*” Hadis diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim.

Hadis ke-9 ini menyentuh larangan bertanya dan mempertikaikan perkara dengan berlebihan. Hadis ini mengingatkan kita bahawa bertanya secara keterlaluan atau mempersoalkan hal-hal agama secara tidak wajar boleh merosakkan, kerana ia menunjukkan sikap melampau yang boleh menyebabkan perpecahan dan perselisihan.

Satu lagi hadis yang jelas berkaitan dengan larangan melampaui batas dalam agama ialah hadis ke-30:

عَنْ أَبِي ثَعْلَبَةَ الْحُثَيْنِيِّ جُرْثُومَ بْنِ نَاشِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى فَرَضَ فَرَائِضَ فَلَا تُضَيِّعُوهَا، وَحَدَّ حُدُودًا فَلَا تَعْتَدُوهَا، وَحَرَّمَ أَشْيَاءَ فَلَا تَنْتَهِكُوهَا، وَسَكَتَ عَنْ أَشْيَاءَ رَحْمَةً لَكُمْ غَيْرَ نَسْيَانٍ فَلَا تَبْحَثُوا عَنْهَا. (حَدِيثٌ حَسَنٌ رَوَاهُ الدَّارِقُطْنِيُّ وَغَيْرُهُ)

Terjemahan: *Daripada Saiyidina Abu Tha‘labah al-Khusyani Jurthum bin Nasyir r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya, Allah Taala telah menetapkan perkara fardu, maka janganlah kamu mengabaikannya. Dia telah meletakkan batasan (syarak), maka janganlah kamu melampauinya. Dia telah mengharamkan beberapa perkara, maka janganlah kamu melanggarnya. Dia telah diam daripada (menerangkan hukum) beberapa perkara sebagai rahmat kepada kamu, bukannya kerana terlupa, maka janganlah kamu bertanya (sehingga menimbulkan kesukaran).”* (Hadis Hasan, diriwayatkan oleh al-Daruqutni dan selainnya).

Hadis ini menegaskan bahawa syariat Islam adalah sederhana dan perlu difahami serta diamalkan dengan hikmah, tanpa melampaui batas yang telah ditetapkan oleh agama. Penerapan modul ini dalam sistem pendidikan di SMKA diharapkan dapat menjadi langkah proaktif untuk mencegah penyebaran fahaman ekstremis, dengan memastikan para pelajar

menerima didikan yang seimbang dan berlandaskan al-Quran dan sunnah. Justeru, kajian ini akan meneliti keberkesanan modul tersebut dalam mendidik pelajar SMKA, serta mengenal pasti impak langsung dan tidak langsung terhadap usaha membendung fahaman ekstremisme.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu reka bentuk kajian tinjauan melalui metod temu bual untuk mengumpul data-data bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Semasa kajian ini dijalankan, seramai 10 orang murid, 10 orang guru dan 10 wakil JAKIM telah ditemu bual.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan temu bual ini telah ditemakan mengikut jawapan yang diberikan oleh responden.

Pemahaman Terhadap Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi

Modul ini diakui sebagai cara untuk meningkatkan pemahaman terhadap hadis dan ajaran Islam secara menyeluruh. Responden memahami modul ini sebagai usaha untuk mendalami hadis serta mengamalkan nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya, seperti akhlak, aqidah, dan muamalat. Ia dianggap penting dalam membentuk keperibadian muslim yang lebih baik.

Kesan Pelaksanaan Modul

Secara keseluruhan, responden melihat pelaksanaan modul ini sebagai satu inisiatif yang sangat bermanfaat. Modul ini dianggap berjaya memperkukuh akhlak dan pemahaman agama dalam kalangan pelajar. Namun, kejayaan pelaksanaannya turut bergantung kepada metod pengajaran dan kesediaan pelajar untuk menerapkan ajaran tersebut. Responden juga menekankan perlunya kaedah yang interaktif dan praktikal dalam pengajaran hadis.

Nilai yang Dapat Dipelajari

Salah satu hadis yang dibincangkan adalah hadis ke-9 dan ke-30 yang menekankan kepatuhan kepada perintah Allah, menjauhi larangan, serta mengamalkan sikap kesederhanaan dalam beragama. Nilai yang diperoleh dari hadis ini termasuklah tanggungjawab, ketaatan, dan menghindari sikap melampau atau ekstrem dalam beragama. Hadis ini juga diakui sebagai alat penting dalam mendidik murid tentang kebaikan dan kesederhanaan.

Penghayatan Hadis dan Implikasi Terhadap Pelajar

Responden berpendapat bahawa pelajar SMKA boleh menghayati hadis-hadis ini kerana pengajarannya mudah difahami. Modul ini membantu membentuk akhlak yang baik serta mendorong pelajar untuk menjadi muslim yang berpengetahuan dan berakhlak.

Peranan Modul dalam Membendung Ekstremisme

Penghayatan terhadap hadis-hadis ini diharapkan dapat mengurangkan sikap ekstrem dalam kalangan pelajar dan mengukuhkan sikap toleransi beragama. Terdapat keyakinan bahawa jika pelajar benar-benar memahami nilai-nilai hadis, mereka dapat mengelakkan diri daripada terjebak dalam ekstremisme serta dapat membina sikap yang lebih toleran dan harmoni.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi ini berperanan penting dalam membendung ekstremisme dalam kalangan warga SMKA. Kajian mendapati bahawa pendekatan berasaskan hadis-hadis pilihan yang menekankan nilai-nilai keseimbangan, keadilan, toleransi, dan kasih sayang mampu membentuk pemikiran yang lebih moderat serta memupuk pemahaman Islam yang sebenar. Namun, kejayaan pelaksanaan program ini bergantung pada pendekatan yang digunakan serta kesediaan warga sekolah untuk menerima dan mengamalkan nilai-nilai yang diajarkan.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa, pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada pentadbir dan guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur yang telah memberikan ruang, masa, dan sokongan bagi menjayakan kajian ini. Tanpa sumbangan dan komitmen semua pihak yang terlibat, kajian ini tidak dapat diselesaikan dengan jayanya.

RUJUKAN

- Badra. (2023, August 30). Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi – KPM. eCentral. <https://ecentral.my/modul-penghayatan-hadis-40-imam-nawawi/>
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2017. Garis Panduan Pencegahan Fahaman Ekstremisme dan Radikalisme dalam Kalangan Belia dan Masyarakat. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, p. 1–26. www.iyres.gov.my.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2023. "Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi."
- Mustafa, R. 2021. "Islamic Extremism: Understanding the Muslim Worldview and Radicalization." *Journal of Intelligence, Conflict, and Warfare*, Vol. 4, No. 1, p. 186–189. Simon Fraser University. <https://jicw.org/>.